

Tebatan banjir diberi perhatian - PM

KEMAMAN 12 Jan. - Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak projek tebatan banjir di seluruh negara termasuk di Terengganu dan Pahang bagi memastikan keselamatan rakyat.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, untuk melaksanakan semua prasarana itu kerajaan memerlukan lebih banyak peruntukan yang diharap dapat diperoleh daripada transformasi ekonomi negara.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan akan bersungguh-sungguh dan melakukan yang terbaik demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat walaupun melibatkan peruntukan begitu tinggi.

"Untuk melaksana projek tebatan banjir yang keperluannya amat mendesak, kos amat tinggi. Di Chukai RM480 juta, di Kuantan RM700 juta...(ia) memakan belanja berbilion tidak termasuk jalan, jambatan, sekolah dan lain-lain kemudahan yang rosak.

"Kerajaan akan buat yang terbaik. Percayalah, kita akan lihat kemungkinan melaksanakan projek-projek cegah (tebatan) banjir walaupun terdesak tapi kosnya amat tinggi.

"Sebab itulah kita kena lakukan transformasi ekonomi negara untuk mendapatkan pulangan agar kita dapat laksanakan projek-projek ini untuk rakyat," kata.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap merasmikan majlis Penyampaian Bantuan Mangsa Banjir Peringkat Kebangsaan dan Meraikan Sukarelawan Peringkat Negeri di Padang Astaka Chukai di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said; Menteri Komunikasi dan Multimedia yang juga Ahli Parlimen Kemaman, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Ketua Wanita UMNO merangkap Penasihat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Shah-

rizat Abdul Jalil dan Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Majlis itu yang bermula pukul 10 pagi itu dihadiri hampir 20,000 orang termasuk kira-kira 600 keluarga mangsa banjir yang menerima bantuan banjir hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sentiasa mahu melakukan apa yang terbaik untuk kepentingan rakyat namun katanya adalah tidak adil untuk menyalahkan kerajaan di atas setiap bencana yang berlaku.

Tidak ada negara di dunia ini yang terlepas daripada bencana akibat perubahan iklim dunia sehingga mengakibatkan banjir besar, katanya.

Sementara itu menurut Ahmad, laporan lengkap untuk membina sistem tebatan banjir di Chukai telah siap dan projek itu akan digerakkan selepas peruntukan diterima.